



**Al Faid Consulting Sdn. Bhd.** (1313546-T)

115-1 Jalan Kg. Pandan, 55100 Kuala Lumpur

WhatsApp : 019 TAKAFUL (019 8252385) / 013 TAKAFUL (013 8252385)

Kepada Yang Berkenaan,

21 Oktober 2024

AI Faid Consulting Sdn Bhd (AFCSB) menawarkan tempat latihan industri kepada pelajar pelajar diploma/ijazah. Ditubuhkan pada 2001, AFCSB adalah agensi takaful yang berlesen dengan Takaful IKHLAS Berhad, Etiqa Takaful Berhad dan Zurich Takaful. AFCSB mempromosikan produk takaful am dan takaful keluarga yang berlandaskan prinsip syariah.

Kami telah melatih lebih dari 100 pelajar dari jurusan Kesetiausahaan, Pengurusan Pejabat , Insuran dan Takaful, Sumber Manusia, Matematik, Pentadbiran Perniagaan, Sains Aktuari, Muamalat, Pengurusan Risiko, Pemasaran dan Perbankan.

Pelajar dilatih secara “hands on” dalam aspek pentadbiran perniagaan, penyelidikan & pembangunan (R&D), pemasaran dan perkhidmatan pelanggan. Pada hujung tempoh latihan, pelajar akan dapat melihat kemajuan diri dalam perkara kritikal berikut :-

1. komunikasi dalaman dan luar organisasi secara lisan dan email
2. “problem solving” dan membuat keputusan
3. melakukan “business process”
4. analisa kuantitatif
5. pengetahuan teknikal yang berkaitan dengan industri takaful
6. kemahiran pelbagai perisian program komputer berkaitan kerja
7. pendedahan kepada analisa, “critical thinking” dan membuat cadangan

**Pelajar TIDAK akan diminta menjadi ejen takaful/insuran semasa atau setelah tamat latihan.**

**Asrama percuma untuk pelajar perempuan bersebelahan pejabat lengkap dengan gas, peralatan memasak, perabot, meja belajar, air, elektrik dan Unifi 300MB.** Pejabat kami berdekatan dengan pelbagai kemudahan spt bank BSN, pasar malam, 7 Eleven, klinik kesihatan, kedai runcit, perhentian bas MRT semuanya dalam lingkungan 200 meter. Waktu pejabat 9.00 pagi — 5.30 petang (Isnin — Jumaat), 9.00 pagi — 1.00 petang (Sabtu)(Sabtu minggu pertama - cuti). Elaun sebanyak RM450 sebulan disediakan.

Permohonan boleh dihantar ke email [faid03@gmail.com](mailto:faid03@gmail.com) berserta resume, transkrip, gambar ukuran passport yang terbaru dan surat dari Universiti.

Mohd Iskandar Bin Hamzah  
Pengurus